

## BAB KETIGA

### METODOLOGI

## BAB III

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengertian Metodologi

Penggunaan metodologi sangat penting dalam melakukan penelitian ilmiah, kerana metod merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.<sup>1</sup>

Dalam bab I penulis telah menerangkan jenis-jenis metod yang digunakan dalam pengkajian ini secara ringkas, iaitu dengan menggunakan metod pengumpulan data dan metod analisa data. Sebelum penulis menghuraikan lebih mendalam tentang metod-metod yang digunakan terlebih dahulu penulis cuba memberi sedikit penjelasan tentang pengertian jenis metod yang dipakai dalam kajian ini.

Perkataan Metodologi berasal dari perkataan Yunani "Methodos" yang bererti cara, manakala "Logos" bererti ilmu. Jadi "Metodologi" adalah bererti ilmu tentang cara.<sup>2</sup> Menurut Prof. Imam Barnadib bahawa

---

<sup>1</sup> Koentjaraningrat (ed.), Metode-metode Penelitian Masyarakat, Penerbit P.T.Gramedia, Jakarta, 1977, hal.16, petikan dari: Abdul Halim bin Mat Diah, Filsafat Pendidikan Islam Di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, Disertasi Doktor (IAIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 1986, hal.16.

<sup>2</sup> Ibid., hal.101.

metodologi adalah ilmu tentang cara mengadakan penelitian.<sup>3</sup> Ia merupakan satu pengetahuan penting untuk mengetahui bagaimana usaha pengembangan objek yang menjadi sasaran penelitian dapat dicapai. Jika sesuatu penelitian dan penyelidikan menggunakan metod-metod yang sesuai dan tepat pasti akan menghasilkan sebuah penelitian ilmiah yang bermutu .

Penelitian ilmiah ini dilakukan berdasarkan kepada dua cara penyelidikan. Secara umumnya dapat dinyatakan bahawa penelitian ini berdasarkan dua cara:-

- a. Penyelidikan Perpustakaan
- b. Penyelidikan Lapangan.

#### A. Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan ini memerlukan pengkajian terhadap objek penyelidikan di perpustakaan. Di antara perpustakaan yang terlibat ialah perpustakaan Besar Universiti Malaya, Perpustakaan Majalah (IPT.), Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Kuala Terengganu dan Perpustakaan Muzium Negeri Terengganu. Untuk melengkapkan lagi pengkajian melalui penyelidikan perpustakaan, peneliti membuat penyelidikan lapangan.

---

<sup>3</sup> Prof. Imam Barnadib, Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yayasan Penerbitan FIP-IKIP Yogyakarta, 1982, hal.51.

## B. Penyelidikan Lapangan

Penyelidikan lapangan ini bererti penyelidik telah membuat penyelidikan secara langsung ke atas objek yang dipilih. Caranya dengan membuat penelitian ke tempat-tempat sample yang berkaitan untuk mendapatkan data. Dalam usaha ini peneliti telah bertemu dengan waris-waris terdekat dan keturunan Tuk Syeikh Duyung yang masih hidup serta masyarakat tempatan di mana Tuk Syeikh dan keluarganya pernah tinggal terutama di Pulau Duyung, Kuala Terengganu. Penulis juga bertemu dengan tokoh sejarah tempatan iaitu Dato' Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang dan Dato' Perba Diraja Haji Wan Abd.Rahman bin Long yang juga cicit kepada Tuk Syeikh Duyung .

Kedua-dua cara penyelidikan tersebut digunakan dalam pengkajian ini berpandukan kepada dua jenis metod;

1. Metod Pengumpulan Data
2. Metod Analisa Data

### 3.2 Metod Pengumpulan Data

Penelitian ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data yang terkumpul.<sup>4</sup> Peneliti telah menggunakan beberapa metod untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam usaha pengumpulan data ini. Metod-metod yang digunakan dalam pengum-

---

<sup>4</sup> Abdul Halim bin Mat Diah, op.cit., hal.111.

pengumpulan data ini adalah seperti berikut;

### 3.2.1 Metod Historis atau Pensejarahan

Penyelidikan secara historis adalah penyelidikan yang mengalikasikan metod pemecahan yang ilmiah dari perspektif historis sesuatu masalah.<sup>5</sup> Ia boleh didefinisikan sebagai suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian.<sup>6</sup>

Metod ini bertujuan untuk mendapatkan data yang bernilai sejarah dan menentukan ketepatan berlakunya sesuatu kejadian. Sejarah yang diteliti dalam penyelidikan ini ialah catatan-catatan tentang kejadian-kejadian masa lampau seperti sejarah kedatangan dan perkembangan Islam serta sejarah kemunculan ulama di Terengganu.

Penelitian sejarah ini adalah suatu perkara yang kompleks. Peneliti sedaya upaya berusaha mendapatkan fakta yang benar dan relevan. Peneliti juga cuba menghindari faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlaku sebarang kesilapan dalam penelitian sejarah ini.

Metod pensejarahan ini digunakan oleh penulis dalam usaha men-

<sup>5</sup> Dr. Winarno Surachmad, Dasar Dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah, Penerbit C.V.Tarsito, Bandung, 1970, hal.123.

<sup>6</sup> Prof. Imam Barnadib, op.cit., hal.52.

Mendapatkan data-data tentang perkara-perkara berikut;

1. Latar belakang Masalah dalam bab I.
2. Landasan Teori dalam Bab II.
3. Riwayat Hidup Tuk Syeikh Duyung dan Sumbangannya, bab IV.

Data-data yang bersifat sejarah ini diperolehi dengan meneliti dokumen-dokumen yang berkaitan sejarah dan masalah yang hendak dibentangkan melalui wawancara-wancara dengan pihak-pihak yang berkaitan. Penguraian yang lengkap boleh diperhatikan dalam bab IV yang membentangkan hasil penyelidikan .

### 3.2.2 Metod Dokumentasi

Metod ini ialah cara pengumpulan data melalui pengkajian terhadap dokumen-dokumen yang berhubungan dengan masalah yang dikaji tetapi tidak mempunyai nilai sejarah. Dokumen mengikut Imam Barnadib adalah benda bertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan. Ia terdiri daripada gambar, kumpulan hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadilan dan sebagainya.<sup>7</sup> Penulis memasukkan sumber Al-Quran dan Hadis dalam metod ini. Penggunaan buku-buku, dokumen seperti surat wakaf dan otobiografi disenaraikan dalam metod ini.

Penggunaan metod ini dilakukan dalam penyelidikan untuk melengkapkan data-data berikut:

---

<sup>7</sup> Ibid., hal.55.

1. Latarbelakang Masalah; bab I
2. Pengumpulan data berhubung dengan ilmu tentang cara mengadakan penelitian; bab III.
3. Otobiografi tokoh yang dibincangkan ; bab IV.

### 3.2.3 Metod Interview

Metod interview ini menghendaki komunikasi langsung antara penyelidik dengan subjek atau sampel.<sup>8</sup> Hasil yang diperolehi daripada penggunaan metod ini amat berkesan dan banyak membantu pengkaji. Interview yang dilakukan adalah ditujukan kepada orang-orang yang berkenaan secara langsung dengan penyelidikan ini. Penelti telah membuat tiga bentuk interview guide yang berdasarkan kepada tiga kelompok para informen dan responden yang akan diinterview atau diwawancarakan. Interview guide tersebut dikelompakkan seperti berikut:

1. Interview guide dengan waris-waris serta kaum kerabat subjek kajian, iaitu kaum kerabat Tuk Syeikh Duyung.
2. Wawancara dengan tokoh-tokoh sejarah tempatan.
3. Wawancara dengan orang-orang tempatan yang mengetahui tentang Tuk Syeikh Duyung.

### 3.2.4 Metod Observasi

Metod observasi ini ialah cara penelitian yang dapat menghasilkan pengetahuan, yang sesuai dengan syarat-syarat penelitian ilmiah

---

<sup>8</sup> Dr. Winarno Surachmad, op.cit., hal.168.

tanpa banyak memerlukan biaya atau tenaga.<sup>8</sup> Pengliti telah melakukan metode observasi di dalam penyelidikan ini terhadap sasaran pengamatan terutama kepada waris-waris subjek kajian dan peninggalan-peninggalan subjek kajian. Alat pembantu yang digunakan ialah kamera yang dapat merakamkan sesuatu bahan kajian.

### 3.3 Metod Penganalisaan Data

Setelah segala data diperlukan telah terkumpul, kerja penganalisaan data dijalankan. Cara ini juga dipanggil "Metod Analisa Deskriptif". Penggunaan metod ini disempurnakan dengan menggunakan metod-metod berikut:

- a. Metod Induktif
- b. Metod Deduktif
- c. Metod Komparatif

#### 3.3.1 Metod Induktif

Pendekatan cara induktif ialah mengajukan pelbagai data khusus sebagai bukti kenebaran hukum yang umum. Pendapat Imam Barnadib juga sama dengan menganggap ia sebagai pola berfikir yang mencari pembuktian

---

<sup>9</sup> Harsja W.Bachtiar, "Pengamatan Sebagai Suatu Metode Penelitian," Metode-metode Penelitian Masyarakat, Koentjaraningrat (ed.), Penerbit P.T.Gramedia, Jakarta, 1977, hal.137.

dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.<sup>10</sup>

Peneliti memaparkan data yang bersifat khusus, kemudian membuat kesimpulan-kesimpulan yang bersifat umum. Penggunaan metod ini terdapat dalam penelitian ini seperti bahagian-bahagian berikut:

1. Pengertian Tajuk dalam bab I
2. Landasan Teori dalam bab II
3. Laporan penyelidikan dan pentafsiran data dalam bab IV.
4. Penutup dalam bab V.

Penggunaan metod ini dalam bab I dapat dilihat bagaimana penulis membentangkan pengertian tiap-tiap perkataan daripada tajuk penyelidikan. Kemudian penulis membentangkan maksud tajuk keseluruhan secara umum.

Metod ini juga digunakan dalam bab II dengan cara membuat kesimpulan secara menyeluruh terhadap sejarah perkembangan Islam di Terengganu dan kelahiran ulamanya.

Dalam bab IV telah dibuat pembentangan terhadap segala data yang terkumpul seperti riwayat hidup dan sumbangan serta peranan tokoh yang diselidiki. Metod ini turut digunakan dalam bab penutup (V), mulanya kesimpulan secara khusus kemudian dibuat kesimpulan secara umum terhadap

---

<sup>10.</sup> Prof. Imam Barnadib, op.cit., hal.52.

sumbangan tokoh ulama tersebut.

### 3.3.2 Metod Deduktif

Metod deduktif ialah memberikan dalil-dalil yang umum sebagai keterangan untuk menentukan satu keadaan yang khusus. Ia juga sebagai cara menganalisa yang mengandungi suatu penghuraian dari suatu subjek yang dapat menghuraikan suatu sebab dan akibat atau merupakan suatu alinea pengantar untuk menyediakan pembaca ke dalam teks selanjutnya.<sup>11</sup>

Penggunaan metod ini terdapat dalam bahagian pendahuluan bab I. Peneliti memaparkan pengertian-pengertian secara umum dan mengkhususkan maksudnya sebagaimana yang dikehendaki. Metod ini juga digunakan dalam bab II dalam memaparkan keadaan kelahiran ulama dan perkembangannya. Akhir sekali metod ini digunakan dalam bab III bagi menjelaskan jenis metod yang digunakan secara umum, kemudian diberi huraian satu persatu tentang penggunaan metod-metod tersebut.

### 3.3.3 Metod Komparatif

Metod komparatif bererti cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan.<sup>12</sup> Metod ini digunakan untuk menganalisa dalam bab II

<sup>11</sup> Koentjaraningrat (ed.), op.cit., hal.401.

<sup>12</sup> Abdul Halim bin Mat Diah, op.cit., hal.136.

iaitu bab Landasan Teori dan bab Penganalisaian Data, iaitu dalam bab IV.

Pengunaan metod komparatif dibuat dengan membandingkan segala data yang diperolehi dan dibuat rumusan akhirnya sebagaimana yang terdapat dalam bab II dan IV.